

## KENYATAAN TAWARAN



### KERAJAAN MALAYSIA

#### MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

#### SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMBANGUN, MENGONFIGURASI, MEMIGRASI, MENGUJI, MENTAULIAH DAN MENYELENGGARA SISTEM KEWANGAN (KOMPLIANT SAGA) UNTUK MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Jabatan Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang **210104 (Software Product and Services)**. Tempoh pendaftaran syarikat hendaklah berkuatkuasa sekurang-kurangnya **tiga (3)** bulan selepas tarikh tutup Sebutharga dan mempunyai kemampuan kewangan yang mencukupi bagi menyertai Sebutharga berikut:

Perkara	Kod Dokumen Sebutharga	Kod Bidang	Tarikh Jualan Dokumen	Tarikh Tutup Sebutharga	Harga Dokumen
<b>SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMBANGUN, MENGONFIGURASI, MEMIGRASI, MENGUJI, MENTAULIAH DAN MENYELENGGARA SISTEM KEWANGAN (KOMPLIANT SAGA) UNTUK MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN</b>	<b>MSWP(SBT) 1/2015/SAGA</b>	<b>210104</b>	<b>27 April 2015 (Isnin)</b>	<b>11 Mei 2015 (Isnin)</b>  <b>12.00 tengah hari</b>	<b>Percuma</b>

2. Dokumen Sebutharga boleh diperolehi pada waktu pejabat mulai **27 April 2015 (Isnin)** hingga **11 Mei 2015 (Isnin)** secara percuma di Unit Kewangan, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 PUTRAJAYA.
3. Penyebutharga dikehendaki membawa dokumen-dokumen **asal dan satu (1) salinan fotostat (tidak dikembalikan)** seperti berikut semasa membeli Dokumen Sebutharga :-
  - i. **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DARIPADA JABATAN KEWANGAN;** dan
  - ii. **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR BUMIPUTERA** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh **JABATAN KEWANGAN MALAYSIA**.

4. Dokumen Tawaran Kewangan dan Tawaran Teknikal hendaklah dimasukkan ke dalam dua (2) sampul surat yang berlainan dan dilakri serta dicatatkan No. Siri Dokumen Tawaran (MSWP(SBT) 1/2015/x-xx) pada penjuru atas sebelah kiri sampul surat bagi kedua-dua sampul surat. Kedua-dua sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlakri dan dialamatkan kepada:

**Pengarah,  
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan,  
Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah,  
Presint 2,  
62100 PUTRAJAYA**

**No. Siri Dokumen Tawaran (MSWP(SBT) 1/20145x-xx)**

dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga pada atau sebelum **11 Mei 2014 (Isnin)**, jam **12.00 tengah hari**. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

5. Penyebutharga dikehendaki mengemukakan **SEMUA** dokumen sokongan yang diminta dalam dokumen sebutharga. Bagi Penyebutharga yang gagal mengemukakan kesemua dokumen yang diminta, maka Jabatan mempunyai hak untuk tidak menilai tawaran Penyebutharga.
6. Kerajaan Malaysia tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran sebutharga, serta tiada sebarang alasan akan diberikan kepada mana-mana sebutharga yang ditolak atau tidak berjaya. Sebarang rayuan / cadangan / bantahan tidak akan dilayan. Keputusan sebutharga adalah muktamad.
7. Iklan sebutharga ini juga boleh dirujuk di laman sesawang Majlis Sukan Wilayah Persekutuan iaitu di alamat <http://www.wipers.gov.my>.



**Pengarah  
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan  
Kementerian Wilayah Persekutuan**